

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009


Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini disediakan

oleh
NOR HASANAH BINTI HASAN

bertajuk

**Laporan Kajian Akhir Cadangan Menaiktaraf Dan Merekabentuk Dalaman
Pejabat Les' Copaque Production Sdn. Bhd. Di No.1 Jalan Boling Padang G/13 G,
Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  090409 Cik Zarina Za'bar
Koordinator Kursus : _____ Puan Azizah Bt. Md Ajis
Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr Mohd Sabrizaa Bin Abdul Rashid

ABSTRAK

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman adalah merupakan satu tugas yang mempunyai misi bagi mengkaji sejauh mana kefahaman pelajar tentang aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hingga ke peringkat persempahan cadangan rekabentuk. Projek individu yang telah dipilih ialah projek menaiktaraf dan merekabentuk hiasan dalaman pejabat Les' Copaque Production Sdn. Bhd. yang terletak No. 1, Jalan Bola Boling Padang G 13/G, Seksyen 13 Shah Alam, Selangor. Pejabat yang dicadangkan ini adalah sebuah pejabat produksi animasi tempatan yang menghasilkan filem pendek, iklan, dan filem animasi. Syarikat ini juga menawarkan perkhidmatan pembelajaran asas tiga dimensional bagi menghasilkan animasi yang mantap dan berkualiti tinggi. Semua pekerja yang bekerja di sini adalah graduan-graduan muda yang tiada pengalaman bekerja dan baru sahaja menamatkan pembelajaran. Maka, mereka mempunyai idea-idea dan semangat yang tinggi dan lebih segar dalam menghasilkan karya yang bermutu. Sehubungan dengan itu, stail rekabentuk yang dipilih untuk pejabat Les' Copaque Production Sdn. Bhd. ialah '*fresh modern*' yang membawa maksud gaya moden yang segar ataupun gaya yang menampilkan kesegaran dalam ruang. Gaya ini banyak bermain dengan penggunaan warna yang terang. Bagaimanapun, sebelum mendapatkan hasil rekabentuk yang sesuai untuk pejabat sebegini, beberapa kajian perlu dilakukan di mana kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis klien dan sasaran pengguna di pejabat ini. Pejabat produksi animasi di Malaysia adalah sangat kurang pada waktu ini, maka terdapat sedikit kesulitan semasa kajian dilakukan. Namun begitu, hasil kajian yang dilakukan bagi pejabat sebegini di luar negara amat membantu dari segi maklumat dan pemahaman terhadap ruang yang diperlukan dan perkara-perkara yang penting dalam merekabentuk pejabat produksi animasi. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes samada dari dalam atau luar negara.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI FOTO	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 METODOLOGI KAJIAN	3
1.2.1 Fasa Pertama	3
1.2.2 Fasa Kedua	5
1.2.3 Fasa Ketiga	7
1.3 MATLAMAT KAJIAN	10
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	11

1.5 ISU	12
1.6 SKOP KAJIAN	13
1.7 HALANGAN KAJIAN	15
1.8 KEPENTINGAN KAJIA N	16
 BAB 2.0 KLIEN	 18
2.1 SEJARAH PENUBUHAN SYARIKAT	18
2.2 LATAR BELAKANG KLIEN	20
2.3 CARTA ORGANISASI	23
2.4 VISI, MISI DAN MATLAMAT	24
2.4.1 Visi	25
2.4.2 Misi	25
2.4.3 Matlamat	26
2.5 IMEJ KORPORAT KLIEN	27
2.5.1 Logo Syarikat	28
2.5.2 Maskot	29
 BAB 3.0 KAJIAN DAN ANALISA TAPAK	 30

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Cadangan menaiktaraf dan merekabentuk pejabat Les' Copaque Production Sdn. Bhd. merupakan satu idea yang diperolehi apabila perkembangan industri animasi mula mendapat tempat di Malaysia. Memandangkan perkembangan ini dipandang serius oleh pihak kerajaan dan pihak luar, maka satu perubahan perlu dilakukan pada syarikat ini. Salah satu dari perubahan tersebut termasuklah merekabentuk semula ruang dan keperluan di dalam syarikat ini supaya kerja-kerja dapat dilakukan dengan lebih teratur dan sistematik. Perubahan ini juga perlu dilakukan agar pihak pelabur dan pelanggan berasa yakin dengan kebolehan dan bakat yang disediakan oleh warga Les' Copaque Production Sdn. Bhd. Syarikat ini juga sering dilawati oleh pelajar-pelajar dari sekolah rendah, menengah dan institut pengajian tinggi awam mahupun swasta. Malah, syarikat swasta yang memberi pengkhususan dalam bidang animasi turut melawat syarikat ini dari masa ke semasa. Maka, perubahan dari segi imej korporat perlu dilkukan segera agar pelanggan berasa yakin dengan syarikat ini.

Les' Copaque Production Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang dimiliki oleh bumiputera dan mula ditubuhkan atas tujuan memenuhi kehendak dan keperluan industri animasi di Malaysia. Syarikat ini juga menyediakan peluang kepada graduan tempatan bagi memperkembangkan bakat mereka yang telah digilap sepanjang pengajian di universiti. Pengkhususan dalam menghasilkan animasi tiga dimensional berkualiti tinggi dengan imej-imej berunsur tempatan tetapi mempunyai taraf kualiti global menjadi keutamaan syarikat ini.